مسجد باندر سري ڤوترا
MASJID BANDAR SERI PUTRA

# Masjid Bandar Seri Putra

## Sebagai Pusat Ilmu



## AJK 2023 - 2025

# Masjid Bandar Seri Putra

# sebagai Pusat Ilmu

**AJK 2023 - 2025**

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putra,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Masjid Bandar Seri Putra

Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

# Masjid Bandar Seri Putra

# sebagai Pusat Ilmu

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat, 2025
Grafik dan ilustrasi © AJK 2023 - 2025

e ISBN 978-629-94250-2-1

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025
Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

# Sinopsis

## Penilaian Masjid sebagai Pusat Ilmu

Dokumen ini menilai peranan Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) sebagai pusat ilmu, berasaskan gagasan Masjid Nabawi yang bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pendidikan, kepimpinan, dan penyebaran ilmu. Masjid dilihat sebagai medan melahirkan masyarakat berilmu, berakhlak dan berdaya saing, selari dengan inspirasi pendidikan Rasulullah ﷺ.

Penilaian meliputi:

- Program pendidikan & pengajian: kelas al-Quran (tajwid, hafazan, tafsir), fiqh, aqidah, sirah, hadis, fardu ain, kuliah maghrib dan subuh, kursus praktikal seperti penyembelihan, korban, haji, umrah, serta program khas untuk kanak-kanak, remaja dan muslimat.

- Tenaga pengajar & asatizah: bertauliah, berilmu dan berakhlak, menggunakan kaedah tradisional dan moden, memberi ruang kepada generasi muda.

- Ketersediaan bahan & sumber ilmu: perpustakaan fizikal dan maya (e-Library), penerbitan buku berdaftar dengan Perpustakaan Negara, serta penggunaan teknologi audio-visual.

- Keterangkuman & penglibatan masyarakat: program ilmu terbuka untuk semua golongan termasuk wanita, kanak-kanak dan warga emas, serta penglibatan sukarelawan.

- Penggunaan media & teknologi: rakaman dan siaran kuliah secara langsung di YouTube, Facebook, serta penerbitan risalah dan buletin ilmu.

- Pengurusan & strategi ilmu: perancangan tahunan, penilaian program, pemberian sijil, latihan keusahawanan, kerjasama dengan sekolah, universiti, institusi agama dan NGO Islam.

Secara keseluruhannya, dokumen ini menegaskan bahawa MBSP telah berjaya mengangkat martabat masjid sebagai pusat ilmu yang holistik, inklusif dan moden – memadukan tradisi pendidikan Islam dengan teknologi kontemporari untuk membina masyarakat berilmu dan berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

## Senarai Kandungan

| Tajuk | Halaman |
|---|---|
| Pendahuluan | 1 |
| Masjid sebagai Pusat Ilmu Islam | 2 |
| 1. Program Pendidikan & Pengajian | 2 |
| 2. Tenaga Pengajar & Asatizah | 9 |
| 3. Ketersediaan Bahan & Sumber Ilmu | 9 |
| 4. Keterangkuman & Penglibatan Masyarakat | 13 |
| 5. Penggunaan Media & Teknologi | 15 |
| 6. Pengurusan & Strategi Ilmu | 18 |
| Kesimpulan | 30 |
| Indeks | 31 |

## Buku yang dijadikan asas kepada Masjid Sebagai Pusat Ilmu




Imbas QR di bawah untuk mendapatkan buku

Atau

Buku *Gagasan Masjid Nabawi: Memperkasa Pendidikan Unggul* menjadi asas penting dalam usaha menjadikan **Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) sebagai Pusat Ilmu**. Buku ini menekankan peranan Masjid Nabawi yang bukan sekadar pusat ibadah, tetapi juga pusat pendidikan, latihan kepimpinan, pembangunan bakat, serta penyebaran ilmu yang holistik.
Konsep yang diketengahkan meliputi:

- Pendidikan berasaskan tauhid, akhlak, ilmu dan keterampilan.
- Kaedah pengajaran Rasulullah صلى الله عليه وسلم yang praktikal dan berkesan.
- Hasil pembelajaran yang jelas: akidah yang sejahtera, ibadah yang betul, akhlak mantap, pengurusan tersusun, kepimpinan tinggi, dan peranan sebagai pendakwah yang gigih.
- Suasana masjid sebagai pusat ilmu yang inklusif, tanpa diskriminasi, serta melahirkan individu yang bermanfaat kepada masyarakat.

Dengan mengadaptasi gagasan ini, MBSP dapat memperkukuh kedudukannya sebagai **masjid rujukan dalam bidang ilmu**, membina masyarakat berilmu, berakhlak dan berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

# Masjid sebagai Pusat Ilmu Islam

## 1. Program Pendidikan & Pengajian

- Perogram literasi al-Quran (membaca, tajwid, hafazan, tafsir dan bahasa Arab) dijalankan secara berkala.
- Kelas fiqh, aqidah, sirah, hadis dan disiplin ilmu Islam lain ditawarkan.
- Kelas fardu ain untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa.
- Kelas praktikal ibadah
- Kelas kesihatan





Program Literasi al-Quran: Kelas membaca Quran








Kelas hafazan Quran





**Kelas asas Tarannum**




**Kuliah maghrib dan subuh yang terdiri dari fiqh, aqidah, sirah, hadis, fardu ain, tafsir dan kitab turas**




Program khas untuk kanak-kanak



Program khas cuti sekolah



Kuliah Dhuha fardu ain setiap Jumaat khas untuk Muslimat



Latihan keterampilan




**Kursus Praktikal: Penyembelihan dan pengurusan korban**





**Kursus Haji Cilik**




**Kursus Umrah oleh Az-Zuha**




**Kursus haji oleh Tabung Haji**





**Kelas Pertolongan Cemas dan Kesihatan oleh LiveSaver**









CERTIFICATE

OF PARTICIPATION

THIS CERTIFICATE IS PROUDLY PRESENTED TO :

Dr.M.Yusuf Azwar Anas,S.E,M.M

for participating in Kolokium Pendidikan Gagasan Masjid Nabawi dan Aplikasi AI at Masjid Bandar Seri Putra, Kajang Selangor Malaysia on Friday,17 January 2025

Profesor Emeritus Dato' Dr. Hj. Riza Atiq Abdullah Orang Kaya Rahmat
Nazir Masjid Bandar Seri Putra,Kajang

**Kursus khas kepada pensyarah-pensyarah Universitas Raden Rahmat (NU) dan Universitas Muhammaddiah, Malang, Indonesia mengenak Pendidikan Unggul Masjid Nabawi dan penggunaan AI dalam Pengajaran-pembelajaran**

## 2. Tenaga Pengajar & Asatizah

Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) menitikberatkan kualiti tenaga pengajar dan asatizah dalam semua program ilmu dan dakwah. Asatizah yang dijemput terdiri daripada mereka yang bertauliah, berilmu luas serta mempunyai akhlak yang baik, sesuai dengan garis panduan pihak berkuasa agama. Kuliah dan pengajian yang disampaikan menekankan kefahaman berasaskan al-Quran dan sunnah, serta memberi penekanan kepada isu-isu semasa yang dekat dengan masyarakat.

Selain itu, tenaga pengajar menggunakan pelbagai pendekatan – sama ada tradisional melalui halaqah kitab, atau kaedah moden dengan bantuan multimedia, dialog interaktif, dan sesi soal jawab – supaya penyampaian lebih berkesan. MBSP juga memberi ruang kepada asatizah muda dan belia yang berpotensi untuk terlibat, sekali gus memastikan kesinambungan dakwah dan perkembangan bakat generasi pelapis.

## 3. Ketersediaan Bahan & Sumber Ilmu

- Perpustakaan masjid atau sudut bacaan dengan kitab dan buku rujukan Islam.
- Akses kepada bahan digital seperti e-book, e-jurnal, dan rakaman kuliah.
- Masjid BSP menjadi penerbit berdaftar dengan Perpustakaan negara
- Penggunaan teknologi untuk menyampaikan ilmu (projektor, audio-visual).



Masjid BSP mempunyai dua perpustakaan fizikal, masing-masing untuk lelaki dan perempuan




Masjid BSP juga mempunyai perpustakaan maya. Perpustakaan ini memberi manfaat kepada ramai orang termasuk yang berada di luar Malaysia.




**Perpustakaan maya (E-Library) mengandungi buku-buku digital dan rakaman kuliah-kuliah**




**Masjid BSP telah menjadi penerbit yang berdaftar**

Hadis 40 Berkenaan Pengajaran dan Pembelajaran

ISBN 978-629-95226-4-5

9 786299 522645

Masjid Bandar Seri Putera

**Contoh buku yang telah diterbitkan dan didaftarkan di Perpustakaan Negara**





**Dewan solat utama, bilik mesyuarat dan bilik kuliah dilengkapi dengan projektor dan layar**

## 4. Keterangkuman & Penglibatan Masyarakat

- Program ilmu terbuka kepada semua lapisan masyarakat (kanak-kanak, remaja, wanita, warga emas).
- Penyediaan ruang pembelajaran khas untuk wanita dan kanak-kanak.
- Menggalakkan sukarelawan dan komuniti terlibat dalam pengajian ilmu.




Bilik Mesyuarat dan Bilik Kuliah selalu digunakan untuk program-program khas wanita




Program khas untuk kanak-kanak biasanya dibuat di ruang suffah








**Karnival dan Kursus Kesihatan dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat**

## 5. Penggunaan Media & Teknologi

- Rakaman dan siaran langsung kuliah di platform digital.
- Penerbitan nota ringkas, risalah atau buletin ilmu Islam.
- Memanfaatkan media massa




**Semua kuliah dipancarkan melalui YouTube dan FaceBook. Video rakaman kuliah ini boleh dilihat semula pada bila-bila masa. Siaran melalui YouTube telah memberi manfaat kepada ramai orang termasuk di luar Malaysia. YouTube ini mempunyai 3,660 subscribers.**




Di antara buku yang diterbitkan oleh Masjid BSP. Penerbitan-penerbitan lain boleh didapati dari [Welcome E-Library MBSP – Dig into Reading](#)




**Forum Perdana di Masjid BSP**
**Hasil kerja sama antara Kementerian Kesihatan, JAKIM, Bank Islam, RTM dan Masjid BSP untuk menjayakan Forum Perdana Berkenaan Kesihatan Mental**

## 6. Pengurusan & Strategi Ilmu

- Perancangan tahunan program pengajian yang sistematik.
- Penilaian berkala terhadap keberkesanan program ilmu (penyertaan, impak).
- Wakaf Ilmu
- Pengeluaran Sijil
- Pembangunan keusahawanan
- Kerjasama dengan sekolah, universiti, institusi agama dan NGO Islam.
- Memanfaatkan khazanah ilmu yang sedia tersimpan
- Penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran (Learning Management System)



Setiap awal tahun, AJK dan pegawai bermukim selama dua hari untuk menyediakan perancangan strategik



https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfX-mZQ47ilb4ahN7tnAbXkhJHSNFT3EG14-F2nzmJbZ8N60Q/viewform

# Borang Maklumbalas Prestasi Penceramah Bulanan MBSP Tahun 2024

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Terima kasih atas kesudian anda meluangkan masa untuk memberikan maklum balas terhadap prestasi penceramah di Masjid Bandar Seri Putra.

Borang ini bertujuan untuk menilai dan meningkatkan lagi mutu penyampaian ceramah, serta memastikan kandungan yang disampaikan relevan dan bermanfaat kepada para jemaah. Maklum balas anda amat penting bagi penambahbaikan program dan perkhidmatan Masjid Bandar Seri Putra.

Arahan:

1. Sila lengkapkan borang ini dengan memberikan maklum balas yang jujur dan membina.
2. Semua jawapan anda akan dirahsiakan dan digunakan hanya untuk tujuan penilaian dan penambahbaikan.
3. Luangkan masa beberapa minit untuk menjawab semua soalan yang disediakan.
4. Jika terdapat sebarang cadangan tambahan, sila nyatakannya di bahagian akhir

**Borang penilaian prestasi asatizah oleh ahli karyah dalam talian**




**Manuskrip yang sesuai akan diterbitkan oleh Masjid BSP untuk disebarkan**




Sijil diberi kepada peserta kuliah maghrib, subuh dan kursus-kursus kepada siapa yang memerlukan.

Sijil juga diberi kepada kursus-kursus khas jangka pendek.



Sijil khas juga diberikan seperti berikut:

1. **Sijil Khas peringkat 1**
   Diberikan kepada peserta yang telah menghadiri sekurang-kurangnya 25 siri kursus atau mengikuti kursus sekurang-kurangnya selama 2 tahun.




2. **Sijil Khas peringkat 2**
   Diberikan kepada peserta yang telah menghadiri sekurang-kurangnya 15 siri kursus tambahan selepas 25 kursus peringkat 1, atau mengikuti kursus sekurang-kurangnya selama 1 tahun selepas mendapat




3. **Sijil Khas Peringkat 3**
   Diberikan kepada peserta yang telah menghadiri sekurang-kurangnya 20 siri kursus tambahan selepas 40 kursus peringkat 1 dan 2, atau mengikuti kursus sekurang-kurangnya selama 1 tahun selepas mendapat Sijil Khas Peringkat 2




4. **Sijil Khas Peringkat 4**
   Diberikan kepada peserta yang berjaya menulis sebuah buku berkaitan pelajaran yang didapati dari Masjid Bandar Seri Putra, setebal sekurang-kurangnya 100 halaman, selepas memperoleh Sijil Khas Peringkat 3.

5. **Sijil Khas Peringkat 5**
   Diberikan kepada peserta yang berjaya menulis sebuah buku tambahan setebal sekurang-kurangnya 120 halaman, selepas memperoleh Sijil Khas Peringkat 4.

6. **Sijil Khas Peringkat 6**
   Diberikan kepada peserta yang berjaya menulis sebuah buku setebal sekurang-kurangnya 150 halaman, selepas memperoleh Sijil Khas Peringkat 5.




Latihan keusawanan TikTok



Latihan Keusahawanan khas untuk asnaf ibu tunggal

**Masjid BSP menyediakan kredit mikro dalam bentuk Qardul Hasan**




Bekerja sama dengan PIBG sekolah untuk mengadakan solat hajat khas memohon pertolongan Allah supaya pelajar-palajar dapat melalui peperiksaan utama dengan jayanya.













**Mengagihkan buku-buku keibu-bapaan dan pendidikan kanak-kanak melalui PIBG dan perpustakaan universiti berhampiran**













**Mengagihkan buku-buku Pendidikan dan Pengajaran-Pembelajaran melalui PIBG dan perpustakaan universiti berhampiran**




**Kempen Keselamatan jalan raya dengan kerjasama PIBG dan MIROS**








**Karnival Kesihatan dengan kerjasama dari LiveSaver, FIMA, Hospital Putrajaya, UPM, Kementerian Kesihatan, Taylor University dan beberapa pihak lagi**

## Memanfaatkan khazanah ilmu sedia tersimpan

**MBSP memiliki simpanan 3,600 video kuliah-kuliah maghrib dan subuh. Ini merupakan khazanah ilmu.**










**Projek Transkrip Video menimba ilmu dari Khazanah simpanan video ini di YouTube**

## Sistem Pengurusan Pembelajaran di Masjid Bandar Seri Putra (BSP)

Masjid Bandar Seri Putra (BSP) mengamalkan sistem pengurusan pembelajaran yang tersusun dan bersepadu bagi memastikan ilmu disampaikan secara berkesan kepada semua lapisan masyarakat. Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS – eLearning) ini menawarkan beberapa kursus secara dalam talian, 7 hari seminggu dan 24 jam sehari.







**Imbas untuk melihat kuliah-kuliah dalam talian dengan menggunakan LMS**


CARTA ORGANISASI
PEGAWAI DAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH
MASJID BANDAR SERI PUTRA
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN
SESI : 2023-2025
SELANGOR
PENAUNG
ORANG BESAR DAERAH HULU LANGAT
PENASIHAT
PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DAERAH HULU LANGAT
PENYELARAS
KETUA UNIT PENGURUSAN MASJID DAERAH HULU LANGAT
PENASIHAT MUKIM
PENGHULU MUKIM
PENASIHAT KAMPUNG
KETUA KAMPUNG
NAZIR
PROF. EMERITUS DATO' DR. RIZA ATIQ ABDULLAH BIN ORANG KAYA RAHMAT
PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
ENGKU FAIZAL ANNUAR BIN CHE ENGKU HUSIN
TIMBALAN NAZIR
DR. AZLI BIN ARIFIN
PEMERIKSA KIRA-KIRA 2
MOHAMMAD RASYIDI ABD RAHMAN
PEGAWAI MASJID
ANGGOTA JAWATANKUASA
IMAM 1
NAJMI BIN YAHYA
BILAL 1
HJ. MOHD DZIKRI BIN MOHD
SIAK 1
ZUHAIMI BIN IBRAHIM
SETIAUSAHA
PROF. DR. SHAHRUL AZMAN BIN MOHD NOAH
BENDAHARI
HJ. M. AINNUDDIN BIN ISMAIL
IMAM 2
AHMAD FAHMI BIN MOHAMAD
BILAL 2
MOHD MUIN BIN SANI
SIAK 2
ABDUL LATIFF BIN ABDUL MALEK
PEN. SETIAUSAHA
PROF. DR. ISHAK BIN AHMAD
PEN. BENDAHARI
AHMAD BASYIR BIN ABU BAKAR
AJK
MOHD RASYIDI BIN ALI
AJK
DR. MUHAMMAD FAISAL BIN ASHA'ARI
AJK
HJ. ARZOK BIN NASSAR
AJK
NOR HIDAYA BT KASIM
AJK
AJK
PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT
LINDAWATI BT AMARDIN
WAKIL MUSLIMAT
NOR RASHIDAH BT SHAARANI
WAKIL PEMUDA
FIRDAUS BIN MUHAMMAD
ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

# Kesimpulan
# Penilaian Masjid sebagai Pusat Ilmu

Secara keseluruhannya, Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) telah berjaya mengangkat peranan sebagai pusat ilmu yang menyeluruh dan inklusif. Melalui pelbagai program pendidikan al-Quran, fiqh, aqidah, sirah, hadis, dan fardu ain, masjid ini menyediakan ruang pengajian untuk semua peringkat umur – daripada kanak-kanak hingga warga emas.

Keberkesanan pengajaran disokong oleh tenaga asatizah yang bertauliah dan berakhlak, penggunaan kaedah tradisional dan moden, serta sokongan sumber ilmu melalui perpustakaan fizikal, e-Library, penerbitan buku, dan rakaman digital. Selain itu, MBSP memanfaatkan teknologi dan media sosial bagi memastikan ilmu dapat diakses lebih meluas dan berkesan, sambil melibatkan komuniti secara aktif dalam pengajian.

Pengurusan strategik dan kerjasama dengan pelbagai pihak menjadikan MBSP sebagai contoh masjid kontemporari yang mampu memadukan tradisi pendidikan Islam dengan pendekatan moden. Kesimpulannya, MBSP telah berjaya membina identiti sebagai pusat ilmu unggul yang memperkasa masyarakat berilmu, berakhlak, dan berdaya saing di peringkat lokal dan antarabangsa.

## Indeks Dokumen Penilaian Masjid sebagai Pusat Ilmu


### A

Akses bahan digital ........................................ 9

Akhlak dan kepimpinan.................................. 1

Asatizah muda …............................................... 9

### B

Bilik mesyuarat dan bilik kuliah..... 12–13

Buku Gagasan Masjid Nabawi .................. 1

Buku terbitan Masjid BSP……........... 11–16

### E

E-Library Masjid BSP.................................. 10

Evaluasi keberkesanan program .......... 18

### F

Forum Perdana............................................. 17

### K

Kelas fiqh, aqidah, sirah, hadis............... 2–4

Kelas praktikal ibadah.................................. 2

Kelas tarannum................................................ 3

Keterangkuman Masyarakat ........... 13–15

Keusahawanan dan qardul hasan.. 22–26

Khazanah video kuliah................................. 27

Kursus Haji dan Umrah............................. 6–7

Kursus pensyarah UNIRA & UM Malang 8

### L

Latihan keterampilan..................................... 5

LMS (Learning Management System).... 28

### M

Masjid sebagai pusat ilmu............................. 2

Media sosial dan penyiaran kuliah 15–16

Memanfaatkan teknologi........................ 9–10

### P

Pengajaran al-Quran.................................. 2–3

Penglibatan wanita dan kanak-kanak .....3–14

Pengurusan dan strategi ilmu........... 18–27

Perancangan tahunan.................................. 18

Perpustakaan............................................. 9–11

PIBG sekolah.......................................... 22–25

Program pendidikan dan pengajian ... 2–7

### S

Sijil khas Peringkat 1–6.............................. 21

Sistem Pengurusan Pembelajara ........... 28

Sukarelawan komuniti................................ 13



MASJID BANDAR SERI PUTRA
SEBAGAI PUSAT ILMU

e ISBN 978-629-94250-2-1

9 786299 425021

MASJID BANDAR SERI PUTRA

(pendrive)